

11 MAR 1998

Umno - Hulu Selangor (Fokus Berita)

PERWAKILAN UMNO HULU SELANGOR PILIH KETUA BARU SELEPAS 16 TAHUN

Oleh: Abdul Rahman Ahmad

KUALA LUMPUR, 11 Mac (Bernama) -- Selepas 16 tahun Umno bahagian Hulu Selangor tidak menyaksikan perebutan jawatan ketua, para perwakilan ke persidangan bahagian itu Jumaat ini akan memilih seorang ketua baru bagi menggantikan bekas menteri besar Selangor, Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib.

Jawatan ketua itu akan ditandingi bekas ketua pemuda negeri, Datuk Idris Abu Bakar dan bekas bendahari pemuda bahagian, Mohamed Nazar Mohamed Yakin.

Timbalan ketua bahagian yang juga Anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Ulu Bernam, Datuk Zainal Sakom, akan ditentang Norazman Adnan manakala jawatan naib ketua akan ditandingi oleh seorang peneroka, Felda Haji Said Latif, dan Jamaluddin Yusof.

Naib ketua bahagian itu, Anwar Ayob, tidak mempertahankan jawatannya.

Muhammad, yang juga Naib Presiden Umno, tidak akan mempertahankan jawatan itu berikutan peraturan parti yang diputuskan oleh Majlis Tertinggi akhir tahun lepas yang melarang mana-mana anggota yang menghadapi kes jenayah mahkamah daripada bertanding apa-apa jawatan dalam parti.

Muhammad yang juga Anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Batang Kali menghadapi dua tuduhan iaitu gagal mengisytiharkan wang tunai bernilai RM2.4 juta (ketika itu) di Lapangan Terbang Antarabangsa Brisbane pada 22 Dis 1996 ketika hendak meninggalkan Australia, dan tuduhan kedua ialah membuat kenyataan palsu mengenai wang dipindahkan ke Australia yang dinyatakan sebanyak RM20,000 semasa memasuki Australia pada 16 Dis 1996.

Muhammad, yang dituduh mengikut Akta Laporan Transaksi Kewangan 1988, negara itu, boleh dihukum denda dan penjara jika sabit kesalahan.

Pemerhati Umno di bahagian itu mendakwa pertandingan itu membabitkan dua kumpulan yang menjadi proksi kepada Muhammad dan Abu Hassan.

Kumpulan Muhammad mahu meneruskan tradisi dan perjuangan yang dibawa oleh bekas menteri besar itu sementara proksi Abu Hassan mahukan satu pembaharuan kepimpinan setelah sekian lama di bawah kepimpinan Muhammad yang didakwa membawa pembangunan yang tidak menyeluruh kepada semua ahli dan penduduk.

Bagaimanapun Zainal menafikan yang "kumpulannya" proksi Muhammad tetapi menamakan diri mereka sebagai pelapis yang diperlukan oleh ahli Umno dari bahagian itu.

"Kita bertanding kerana mendapat pencalonan yang banyak daripada cawangan," katanya semasa dihubungi di sini.

Umno bahagian Hulu Selangor mempunyai 74 cawangan dan mempunyai seramai 350 perwakilan yang akan menghadiri persidangannya Jumaat ini.

Zainal, yang juga pengerusi Yayasan Basmi Kemiskinan (YKB) Selangor, berkata kumpulannya memperolehi lebih 60 pencalonan dan ini membuktikan anggota Umno mahukan mereka meneruskan tradisi kepimpinan di bahagian itu.

Sementara itu, Mohamed Nazar pula berkata kumpulannya menerima lima pencalonan daripada cawangan Setiajaya, Kampung Suharto, Batu 30, Sungai Choh Stesyen dan Nigel Garden.

Mohamed Nazar, yang pernah bertanding atas tiket parti Melayu Semangat 46, pada pilihan raya umum 1995 bagi Parlimen Hulu Selangor mendakwa walaupun kumpulannya memperolehi pencalonan sedikit namun itu tidak boleh dijadikan kayu pengukur kehendak anggota dan perwakilan ke persidangan itu.

"Itu hanya pencalonan dan tidak semestinya, ia mencerminkan kehendak perwakilan. Kami difahamkan ramai anggota Umno di bahagian Hulu Selangor

serta perwakilan mahukan satu perubahan daripada segi kepimpinan yang tidak lagi membayangi Tan Sri Muhammad," katanya.

Selain perubahan dalam parti, Mohamed Nazar, berkata beliau bertanding atas desakan ramai anggota yang menganggap pembangunan yang dibawa oleh Muhammad sebenarnya mengakibatkan "kerosakan" kepada alam persekitaran.

"Pembangunan yang tidak terkawal dan teratur memburukkan keadaan sekeliling. Dahulu Hulu Selangor banyak punca air tetapi sekarang banyak yang sudah dicemari hingga kerap kita dengar banyak kawasan menghadapi ketiadaan air," katanya yang berjanji memperjuangkan kepentingan rakyat Hulu Selangor.

Mohamed Nazar, yang tidak aktif politik sejak Muhammad menerajui bahagian itu, mendakwa kumpulannya mempunyai peluang untuk mengambil alih pucuk kepimpinan berdasarkan maklum balas daripada cawangan-cawangan.

Beliau juga mendakwa keputusan Umno bahagian untuk mengadakan persidangan bahagian pada hari Jumaat bertujuan menghalang anggota perwakilan yang menyokong kumpulannya daripada menghadiri persidangan itu.

Katanya sebanyak 40 peratus daripada jumlah perwakilan itu adalah guru dan kakitangan kerajaan yang terikat dengan tugas semasa mesyuarat itu diadakan nanti.

Bagaimanapun, Zainal yang menafikan ada cubaan untuk sabotaj penyokong kumpulan Mohamed Nazar berkata Umno bahagian tiada pilihan lain dan akan mengadakan persidangan pada Jumaat.

"Pada mulanya kami bercadang mengadakannya pada Sabtu, 14 Mac tetapi pada hari itu Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan persidangan Umno bahagian Kuala Selangor. Kami mahu buat pada keesokan harinya tetapi Tan Sri Muhammad pula tidak kelapangan," katanya.

Zainal juga menjelaskan bahawa beliau tidak bertanding jawatan ketua walaupun telah menjawat jawatan timbalan sejak 1995 kerana mahu "berkorban demi kepentingan parti" dan mengelak wujudnya "riuh rendah" di peringkat bahagian.

"Biarlah Datuk Idris bertanding jawatan ketua kerana dia sudah 22 tahun berkecimpung dalam peringkat pergerakan pemuda dan bahagian sedangkan saya hanya 16 tahun ...sampai masa beliau harus diberi peluang,"katanya.

--BERNAMA

ARA NAK